

Asap jerebu rentasi Selat

ASMC beri amaran berdasarkan tompok panas dikesan di Sumatera

Oleh Haika Khazi, Mohd Iskandar Ibrahim, Fairuz Zaidan, Luqman Arif Abdul Karim, Ahmad Suhael Adnan, Syalikhha Sazili dan Garret Dawum
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pusat Meteorologi ASEAN (ASMC) memberi amaran jerebu akan terus melanda barat Semenanjung Malaysia berdasarkan tompok panas yang dikesan di Sumatera, Indonesia, serta keadaan jerebu yang semakin teruk.

ASMC dalam kenyataannya, berkata tompok panas yang tetap di Riau dan Jambi membawa kepada jerebu sederhana dan padat di sana.

"Asap jerebu sudah merentasi Selat Melaka sehingga ke bahagian barat Semenanjung Malaysia yang dibawa angin.

"Tompok panas dan asap jerebu juga dikesan di wilayah selatan Sumatera serta Lampung.

"Berdasarkan pengawasan satelit NOAA-20, terdapat peningkatan bilangan tompok panas iaitu sebanyak 52 dan 206 dikesan di Sumatera pada 7 dan 8 September lalu," katanya dalam

kenyataan dikeluarkan, kelmarin.

ASMC berkata, cuaca kering di rantau itu dijangka berterusan pada minggu depan dan peningkatan aktiviti tompok panas di Sumatera mungkin berlaku.

"Angin yang dijangka terus bertiup dari tenggara atau barat daya, keadaan jerebu sempadan akan bertambah buruk," katanya.

Sebelum ini, Indonesia menafikan berlakunya jerebu rentas sempadan dari republik berkenaan yang menjejaskan negara jiran seperti Malaysia dan Singapura.

Bagaimanapun, kenyataan Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan (LHK), Siti Nurbaya, itu dilihat meragukan apabila sebanyak 1,278 tompok panas dikesan satelit Terra Aqua di Sumatera.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di setiap negeri diberi kuasa mengikut prosedur operasi standard (SOP) masing-masing untuk mengarahkan penutupan sekolah jika kawasan itu dilanda jerebu teruk kerana pihak terbabit lebih arif mengenai keadaan cuaca dan tahap keselamatan di kawasan masing-masing.

Beliau berkata, pihak sekolah perlu merujuk kepada arahan yang dikeluarkan oleh JPN bagi setiap penutupan sekolah termasuk di 275 sekolah yang diarahkan berbuat demikian di Sarawak, semalam.

"Setiap JPN mempunyai SOP masing-masing kerana mereka sentiasa berhubung rapat

dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri (mengenai keadaan jerebu) yang berlaku.

"Apa yang penting, JPN akan memastikan kebajikan pelajar dan guru sekolah tidak diabaikan, apabila sampai tahap bacaan yang tertentu mereka akan mengarahkan sekolah ditutup," katanya ketika ditemui selepas Lawatan Kerja Menteri Pendidikan ke Parlimen Masjid Tanah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rahmat, Kuala Sungai Baru, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sudah membuat perolehan 500,000 topeng muka untuk diagihkan kepada murid sekolah di Sarawak yang terkesan akibat jerebu menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), dalam masa terdekat.

NADMA dalam kenyataannya berkata, pihaknya dan Kementerian Pendidikan sedang menyelaraskan perolehan topeng muka untuk dibekalkan kepada sekolah di negeri yang terkesan.

Selain itu, NADMA juga sudah mengeluarkan notis kesiapsiagaan menerusi Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) bagi meminta semua JPBN mengambil langkah berjaga-jaga.

"NADMA juga membuat pemantauan rapi mengenai keadaan jerebu di Sarawak dan negeri lain di Semenanjung dan Sabah yang dipercayai berpunca daripada kebakaran di Kalimantan dan Sumatera, iaitu jerebu merentasi sempadan," katanya.



Anggota bomba dan penyelamat memadam kebakaran hutan di Jalan Camar, Matang, Kuching. (Foto Hazreen Mohamad/BH)



Keadaan jerebu sekitar Kuching dengan kualiti udara menunjukkan tahap bacaan IPU pada jam 2 petang pada peringkat tidak sihat iaitu 138. (Foto Mohd Radzi Bujang/BH)

